

JKM buka kekosongan ibu bapa pelihara

KUALASELANGOR-Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor membuka kekosongan bagi ibu bapa pelihara secara kontrak kepada pasangan suami isteri yang berminat.

Penyelaras Rumah Tunas Harapan (RTH) Tengku Ampuan Rahimah Kuala Selangor, Muhammad Fadzli Abdul Mail berkata, kekosongan jawatan ibu bapa pelihara itu terbuka kepada semua.

"Elaun RM1,000 dan kemudahan cuti diberikan selain boleh membawa suami serta dua anak untuk tinggal bersama di rumah yang disediakan manakala anak di bawah umur 18 tahun diberi keistimewaan seperti penghuni rumah RTH lain.

"Buat setakat ini, kekosongan dibuka untuk ibu bapa berbangsa Cina bagaimanapun orang ramai yang berusia 35 tahun ke atas yang berminat boleh memohon. Tarikh tutup permohonan pada 4 September ini.

"Borang boleh didapati di Pejabat JKM Daerah Kuala Selangor atau menghubungi saya di talian 03-32891495 atau setiausaha RTH, Norhayati Gdass di talian 012-6059474," katanya.